



## KENYATAAN MEDIA CO-OPBANK PERTAMA

21 MAC 2019

### PRA-PELANCARAN SKIM PEMBIAYAAN SEKTOR KOPERASI

#### *MEMBANGUN BERSAMA CBP*

---

1. Co-opbank Pertama (CBP) pada hari ini telah mengadakan sesi bersama media mengenai Pra-Pelancaran **Skim Pembiayaan Sektor Koperasi – *Membangun Bersama CBP***.
2. Pelancaran Skim Pembiayaan Sektor Koperasi ini merupakan salah satu inisiatif CBP dalam membantu sektor koperasi di Malaysia bagi mendapatkan kemudahan pembiayaan dalam mengembangkan perniagaan mereka. Inisiatif ini juga sejajar dengan sasaran CBP bagi meningkatkan portfolio pembiayaan bagi sektor koperasi kepada 30% dari keseluruhan portfolio pembiayaan menjelang tahun 2020.
3. “Sejak penjenamaan semula CBP sebagai sebuah co-opbank pada tahun 2018, jenama CBP telah mendapat perhatian dan kepercayaan dari para pelabur. Modal syer CBP telah meningkat kepada lebih RM700 juta pada setakat Februari 2019. Pengukuhan modal syer ini telah dapat menyokong pengembangan perniagaan CBP terutama dalam menyediakan pembiayaan kepada sektor koperasi. Kami sasarkan pada akhir tahun 2020, portfolio pembiayaan CBP akan menjadi 70% (pembiayaan peribadi) dan 30% (pembiayaan koperasi) dari keseluruhan portfolio pembiayaan CBP” kata En Mohd Nor Abd Razak, Ketua Pegawai Eksekutif CBP semasa sesi bersama media.
4. Skim pembiayaan sektor koperasi ini akan diadakan pada 10 April 2019 dan akan dilancarkan oleh Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia, YBhg Datuk Nordin Salleh.

**- Tamat-**

**Jabatan Pengurusan Strategik**

**Co-opbank Pertama**

**Syaiful Arief Syah Bin Mohamed Said**

**Pengurus Transformasi**

**syaiful@cbp.com.my**

**013-394 4999**

**Aminudin Bin Ismail**

**Ketua, Pengurusan Strategik**

**aminudin@cbp.com.my**

**019-575 7650**

### **Mengenai Co-opbank Pertama**

Co-opbank Pertama (CBP) telah ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP telah diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Bank Negara Malaysia sebagai sebuah bank. CBP mempunyai 22 buah cawangan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk Pembiayaan, Ar-Rahnu, Deposit, Syer Keanggotaan serta Takaful dan Wasiat kepada Individu, Koperasi, Badan Korporat, Agensi Kerajaan dan Swasta. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.cbp.com.my](http://www.cbp.com.my).